



Tujuh mata pelajaran catat peningkatan, lima menurun berdasarkan GPMP

38,344 calon UPSR dapat 5A

Kosmo
18/11/2015
mls 16

Oleh MOHD. TURMADZI
MADUN

PUTRAJAYA – Keputusan keseluruhan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) di seluruh negara pada tahun ini meningkat sebanyak 38,344 atau 8.65 peratus orang murid berjaya mendapat 5A berbanding 36,304 pada tahun lalu.

Sebanyak tujuh kertas peperiksaan mencatatkan peningkatan prestasi, namun lima yang lain menurun berdasarkan Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) berbanding tahun 2014.

Mata pelajaran yang meningkat termasuk Bahasa Tamil (penulisan dan pemahaman) dan Bahasa Melayu (pemahaman dan penulisan) di Sekolah Kebangsaan (SK), Matematik serta Bahasa Melayu (penulisan) bagi Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) dan Sains.

Bahasa Cina (penulisan dan pemahaman) dan Bahasa Melayu (pemahaman) di SJK manakala Bahasa Inggeris masing-masing di SK dan SJK pula mencatatkan penun-



KHAIR (kiri) dan Pengarah Lembaga Peperiksaan Malaysia, Datin Nawal Salleh bergambar bersama buku analisis keputusan UPSR 2015 di Kementerian Pendidikan, Putrajaya semalam.

kepada 0.02 mata iaitu daripada 2.29 pada 2014 kepada 2.27 pada tahun ini. Nilai GPMP lebih kecil menunjukkan pencapaian calon yang lebih baik.

Menurutnya, jumlah pelajar yang mendapat keputusan baik (minimum gred C tidak termasuk semua gred A) menurun kepada 255,801 orang berbanding 271,776 orang pada 2014 manakala keputusan

“Peratusan kumpulan calon di bawah tahap penguasaan minimum ini merupakan yang terendah dalam tempoh empat tahun.

“Pencapaian calon di bandar dan luar bandar yang mendapat semua A pula ialah masing-masing 23,010 (10.05 peratus) serta 15,334 (7.15 peratus) dan ia menunjukkan peningkatan seban-

INFO Keputusan UPSR 2015

Calon mendapat semua A

NEGERI	2015	2014
SELANGOR	7,354	6,593
SABAH	1,612	1,231
MELAKA	1,311	1,242
TERENGGANU	2,558	2,563
N. SEMBILAN	1,806	1,883
PERLIS	346	291
KEDAH	2,978	2,831
K. LUMPUR	1,828	1,681
P. PINANG	2,430	2,335
PERAK	2,929	2,847
SARAWAK	1,998	1,862
PAHANG	2,439	2,257
KELANTAN	3,527	3,600
JOHOR	4,878	4,811
JUMLAH	38,344	36,304

sini semalam.

Khair berkata, mulai 2016, Ujian Aptitud Tahun 6 akan ditadbir secara berasingan oleh pihak sekolah dan tidak lagi dilakukan secara bersama-

RINGKAS

Murid kacukan Melayu-Korea peroleh 4A 1B

PASIR PUTEH – Meskipun gagal memperoleh keputusan 5A, seorang murid berdarah kacukan Melayu-Korea tetap berpuas hati mendapat 4A 1B walaupun terpaksa menduduki peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) di katil wad kanak-kanak Hospital Tengku Anis (HTA) Pasir Puteh di sini baru-baru ini.

“Saya dambakan 5A tapi apakan daya terpaksa memerlukan rawatan untuk sakit asma ketika peperiksaan UPSR berlangsung, namun saya menerima hakikat yang sudah ditentukan-Nya,” kata Muhammad Alif Zafran Muhammad Hwang Soo Yoen, (gambar), 12, dari Sekolah Kebangsaan Kamil 2 di sini.



Empat sahabat harumkan nama SK Jabang

KOTA KINABALU – Empat orang sahabat dari Sekolah Kebangsaan (SK) Jabang, Beaufort di sini mengharumkan nama sekolahnya selepas mencatat keputusan 5A dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) yang diumumkan semalam.

Mereka ialah Awangku Mohd. Ezzatul Mazuan Awang Rosli, Ruzaidi Liatan, Mohamad Azari Mohamad Razim dan Mohd. Huzaini Junia.

pula mencatatkan penurunan.

Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Seri Dr. Khair Mohamad Yusof berkata, Gred Purata Nasional (GPN) juga meningkat

2014 manakala keputusan di bawah tahap penguasaan minimum (semua gred D atau E) juga berkurangan kepada 11,792 (2.66 peratus) berbanding 13,211 (2.87 peratus) pada tahun lalu.

kan peningkatan sebanyak 0.04 mata iaitu 2.38 mata pada 2014 kepada 2.34 mata,” katanya ketika mengumumkan analisis keputusan UPSR di Kementerian Pendidikan di

kolah dan tidak lagi dilaksanakan secara berpusat selepas UPSR. Ujian itu mengukur tahap kebolehan dan kesediaan mental murid sebelum memasuki sekolah menengah.

Jurang akademik sekolah bandar, luar bandar semakin mengecil

Oleh DIYANATUL ATIQA ZAKARYA

KUALA LUMPUR - Keputusan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) pada tahun ini disifatkan amat memberangsangkan dengan jurang pencapaian akademik antara sekolah di bandar dan luar bandar semakin mengecil berdasarkan Gred Purata Nasional (GPN) tahun ini.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, kadar GPN sekolah di bandar menunjukkan angka sama pada tahun lalu iaitu 2.21, namun sekolah di luar bandar mencatatkan peningkatan sebanyak 2.34 daripada 2.38 tahun lepas.

“Orang selalu membandingkan pencapaian murid luar bandar dan bandar yang selalunya keputusan cemerlang berpihak kepada murid di bandar. Bagaimanapun, saya sangat berpuas hati dengan keputusan UPSR pada kali ini apabila keputusan mencatatkan jurang kecil antara



MAHDZIR (tengah) bergambar bersama 81 murid yang mendapat keputusan 5A selepas pengumuman keputusan UPSR di SK Bukit Damansara, Kuala Lumpur semalam.

sekolah di bandar dan luar bandar. “Saya berharap pencapaian UPSR luar bandar terus meningkat sementara keputusan di bandar kekal

dalam prestasi baik,” katanya pada sidang akhbar di Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Damansara di sini semalam.

Kejayaan berganda atlet junior negara

KUALA LUMPUR - Atlet sukan tenis bawah 12 tahun nombor satu negara, Julia Hannah Junaidi, (gambar), 12, membuktikan penglibatan aktif bidang sukan bukan faktor penghalang untuk memperoleh semua A dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) yang diumumkan semalam.

Anak sulung daripada empat adik-beradik yang bersekolah di Sekolah Kebangsaan Bukit Damansara itu menyifatkan keputusan cemerlang itu sebagai kejayaan berganda buatnya selepas mendapat pingat gangsa dalam Kejohanan Sukan SEA Junior kategori bawah 12 tahun di Singapura pada baru-baru ini.



Murid Orang Asli peroleh 5A UPSR mahu bantu keluarga

SHAH ALAM - Hasrat mahu meningkatkan taraf hidup keluarganya menjadi pendorong kepada seorang pelajar Orang Asli, Natassa Elyana Li, 12, mendapat keputusan cemerlang 5A dalam peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) pada kali ini.

Natassa yang bersekolah di Sekolah Kebangsaan Labohan Dagang Kuala Langat di sini menjadikan kakak sulungnya sebagai inspirasi ekoran kejayaan melanjutkan pelajaran di Maktab Rendah Sains Mara Kuala Kubu Bharu.